

IMPLIKASI DIALAMI REMAJA HAMIL LUAR NIKAH: KAJIAN DI PUSAT PEMULIHAN AKHLAK NEGERI SELANGOR
IMPLICATIONS EXPERIENCED BY EXTRAORDINARY PREGNANT TEENAGERS: A STUDY AT THE SELANGOR STATE MORAL REHABILITATION CENTER

Mariam Abd. Majid^{1*}, Nurul Zafirah Azman², Muhammad Yusuf Marlon³

¹ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), emel: mariam@kuis.edu.my.

² Jawatan Akademik Institusi

³ Pensyarah, Kolej Universiti Islam Antarabangsa Selangor (KUIS), emel: yusufmarlon@kuis.edu.my.

*Penulis penghubung

Artikel diterima: 7 Okt. 2020

| Selepas Pembetulan: 14 Okt. 2020

| Diterima untuk terbit: 23 Nov. 2020

Abstrak

Isu kehamilan luar nikah dalam kalangan remaja didapati serius berlaku dalam masyarakat. Statistik Kementerian Kesihatan Malaysia mencatatkan sebanyak 18,465 kes remaja hamil luar nikah didaftarkan di Klinik Kesihatan Malaysia dalam tempoh lima (5) tahun iaitu bermula dari tahun 2014-2018. Gejala yang berlaku ini membawa pelbagai implikasi serius terhadap pelbagai pihak iaitu ibu bapa, keluarga, masyarakat, negara dan khususnya diri remaja itu sendiri. Artikel ini bertujuan mengenalpasti implikasi yang dialami oleh golongan remaja yang terjebak dalam gejala kehamilan luar nikah. Kajian ini berbentuk kualitatif dengan reka bentuk kajian kes. Data kajian diperolehi melalui temubual mendalam dengan menggunakan kaedah temubual separa struktur bersama terhadap seorang pentadbir, seorang warden di Pusat Pemulihan Akhlak di Negeri Selangor serta tiga orang remaja hamil luar nikah. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan. Data kajian dianalisis secara tematik. Dapatan kajian mendapati bahawa golongan remaja hamil luar nikah berhadapan implikasi dari aspek pemikiran, emosi dan tingkahlaku. Adalah diharapkan dapatan ini dapat membantu pihak-pihak yang terlibat dalam usaha pemulihan akhlak remaja yang terlibat dengan gejala ini.

Kata kunci

Hamil Luar Nikah, Pusat Pemulihan Akhlak, Negeri Selangor

Abstract

Extramarital pregnancies among adolescents is found to be serious in society. Statistics from the Ministry of Health Malaysia recorded 18,465 cases of teenage pregnancies out of wedlock registered at the Malaysian Health Clinic within five (5) years starting from 2014 to 2018. These symptoms occur with various serious implications for various parties, namely parents, family, community, country and especially the adolescents themselves. This article aims to present the results of studies related to the implications experienced by adolescents who are stuck in the symptoms of extramarital pregnancy. This study is qualitative with a case study design. The study data were obtained through a semi-structured interview method on an administrator, a warden at the Moral Rehabilitation Center in the State of Selangor and three pregnant teenagers out of wedlock. All study informants were selected through a purposeful sampling method. Interview transcripts were analyzed for theme and sub-theme formation. The findings of the study found that adolescents pregnant out-of-wedlock face implications from the aspects of thinking,

emotions and behavior. It is hoped that these findings will help the parties involved in the moral rehabilitation efforts of adolescents involved with these symptoms.

Keywords

Premarital Pregnancy; Selangor Moral Rehabilitation Centre

1.0 Pendahuluan

Penglibatan golongan remaja dalam isu kehamilan luar nikah yang berlaku dalam negara hari ini sangat membimbangkan. Menurut Mohd. Fauzi & Mohd. Khairul Naim (2012), gejala seks bebas, pengguguran kandungan, kelahiran anak luar nikah, dan pembuangan bayi dalam kalangan remaja hari ini bukan lagi menjadi suatu perkara asing dalam masyarakat. Sebanyak 300 kes kehamilan remaja luar nikah dianggarkan yang berlaku dalam sebulan dan ini bermakna sebanyak 10 kes berlaku setiap hari (Sinar Harian, 2019).

Laporan kaji selidik Global Kesihatan Pelajar Sekolah (GSHS) serta Lembaga Penduduk Dan Pembangunan Keluarga Negara (LPPKN) melaporkan kadar aktiviti seksual dalam kalangan remaja berusia 13 hingga 17 tahun di negara ini meningkat daripada 0.9 pada 1994 kepada 8.3 peratus pada 2012 (Harian Metro, 2015). Pertubuhan Kesihatan Sedunia (WHO) pula merekodkan bermula 2005 hingga 2011, Malaysia menduduki tempat keempat daripada 10 negara berkaitan kehamilan remaja berusia antara 15 hingga 19 tahun (Nurzatil Ismah et al., 2015).

Isu ini sangat kritikal melihat kepada angka jumlah kes kehamilan remaja luar nikah yang didaftarkan di Klinik Kesihatan Malaysia pada tahun 2014-2018. Sebanyak 3,980 kes didaftarkan pada tahun 2014, 3,980 kes pada tahun 2015, 3,938 kes pada tahun 2016, 3,694 kes pada tahun 2017 dan 2,873 kes pada tahun 2018.

2.0 Implikasi Hamil Luar Nikah

Takrif hamil luar nikah ialah mengandung sebelum berkahwin iaitu berlaku hubungan seks di antara pasangan yang tidak mempunyai ikatan pernikahan yang sah. Remaja hamil luar nikah tergolong umur di antara 13 hingga 18 tahun (Khadijah Alavi et. al., 2012). Di Malaysia, umur 18 tahun telah dikategorikan sebagai golongan dewasa (Akta 21, Undang-undang Malaysia).

Pelbagai faktor didapati menjadi punca penglibatan golongan remaja dalam salah laku seksual sehingga menyebabkan kehamilan luar nikah. Menurut Zakaria & Zulkifli (2017), ramai dalam kalangan remaja yang terjebak disebabkan faktor-faktor dan masalah yang melingkungi mereka seperti keluarga yang berpecah pelah, sejarah penderaan seksual daripada ahli keluarga, ketagihan pornografi dan terlibat dalam aktiviti seksual luar nikah. Faktor-faktor tersebut boleh dikaitkan dengan aktiviti secara rela atau boleh juga dikatakan secara paksa apabila mangsa diperkosa dan dinodai untuk memuaskan nafsu para pelaku yang tidak bermoral dan berakhlak (NJ Saim et.al, 2013). Ketua Penolong Pengarah Bahagian Siasatan Seksual, Wanita dan Kanak-kanak, Jabatan Siasatan Jenayah Bukit Aman, Asisten Komisioner Ong Chin Lan, menjelaskan bahawa hasil siasatan yang dilakukan terhadap kes rogol yang diterima mendapati lebih 60 peratus kes remaja bawah umur melakukan salah laku seks dengan kerelaan sendiri bukan secara terpaksa, manakala 40 peratus sahaja yang benar-benar dipaksa atau dirogol. Tindakan membuat laporan dan mendakwa dirogol dibuat apabila kegiatan tidak bermoral itu terbongkar dan diketahui keluarga

(Utusan Online, 2016). Kajian Abdullah, Ghani, Akil, & Faudzi (2014) mendapati kebanyakan kes kehamilan remaja antara umur 15 hingga 17 tahun terjadi adalah hasil hubungan seks yang dilakukan bersama pasangan yang dikenali termasuk teman lelaki.

Gejala yang berlaku ini sudah pasti membawa implikasi terhadap pelbagai pihak iaitu negara, masyarakat, ibu bapa khususnya kepada golongan remaja itu sendiri. Peningkatan kelahiran anak tidak sah taraf merupakan antara implikasi yang dihadapi. Jabatan Pendaftaran Negara (JPN) merekodkan seramai lebih 543,363 jumlah anak tidak sah taraf bagi tempoh antara tahun 2006 hingga 30 Jun 2017. Jumlah ini termasuk anak yang dilahirkan dalam tempoh perkahwinan yang tidak didaftarkan mengikut peraturan, kelahiran tidak cukup enam bulan (bagi pasangan Islam), kegagalan mendaftar semula perkahwinan di luar Negara dan anak yang dijumpai tanpa diketahui identiti ibu atau bapa (Azizah et.al., 2019).

Kajian Saputro dalam Utomo (2013) menerangkan bahawa perasaan kebingungan dialami oleh remaja yang hamil luar nikah setelah mengetahui bahawa dirinya hamil, lebih-lebih lagi apabila kekasihnya enggan bertanggungjawab. Mereka turut merasa takut dan bersalah terhadap orang tua serta merasa malu dengan orang sekeliling. Implikasi kehamilan tanpa nikah ini menyebabkan remaja tersebut mengalami kecemasan dalam bentuk susah untuk tidur, tiada selera makan, gelisah, khuwatir dengan keadaannya, mual, malas beraktiviti, kepala terasa pening, sering merasa bingung atas keadaan yang sedang dialami, dan keadaan emosi yang tidak menentu (Kafiyatul Aysa & Latipun, 2016). Remaja yang hamil berisiko tinggi menghadapi masalah mental seperti kemurungan, tekanan dan stres untuk menjadi ibu/bapa. Sebahagian besar mangsa salah laku seksual mengalami PTSD (Post-Traumatic Stress Disorder). PTSD merupakan sindrom merasa cemas, konflik emosi, mengingati masa lalu yang sangat pedih setelah mengalami tekanan fizikal dan emosi yang di luar ketahanan orang biasa. PTSD sering terjadi kepada mangsa yang mengalami insiden traumatik tidak terkecuali mangsa kekerasan seksual. Mangsa memerlukan proses pemulihan daripada PTSD agar dapat meningkatkan kualiti hidup dan tidak terus menyesali kisah masa lalu yang menyebabkan trauma itu. Meskipun begitu, penyembuhan daripada PTSD tidak bermaksud mangsa lupa tentang kejadian tersebut (Phebe Illenia S., Woelan Handadari, 2011). Selain mengalami masalah mental, kehamilan luar nikah dikatakan antara masalah yang paling ditakuti jika berlaku pada waktu usia remaja kerana implikasinya secara tidak langsung mendorong kepada berlakunya kes pengguguran, pembuangan dan perdagangan bayi yang tidak berdosa (Magdalena, 2010).

Kesan yang lebih kritikal boleh berlaku apabila golongan remaja yang telah terjebak dengan gejala ini kurang sokongan dari keluarga dan masyarakat. Ianya boleh membawa remaja mengalami kemurungan, membuat keputusan yang tidak tepat serta terlibat dengan masalah penyalahgunaan dadah (Wan Fadhilah Wan Ismail, 2011).

Fenomena ini meletakkan keadaan remaja ini berdepan dengan masalah yang kadang kala tidak dapat difahami oleh golongan dewasa manakala masyarakat pula memandang serong malahan kadangkala mengecam golongan ini tanpa menyelidiki punca dan faktor berlakunya gejala itu. Golongan remaja yang terjebak dalam salah laku seksual ini, terpaksa berjuang sendiri dengan masalah tekanan dan emosi, ketakutan, kerisauan, rendah diri dan sebagainya. Terdapat dalam kalangan remaja-remaja ini berterusan bertingkah laku abnormal ekoran tidak mendapat bimbingan yang

sewajarnya. Sehubungan itu, artikel ini bertujuan mengenalpasti antara implikasi yang dialami oleh golongan remaja yang hamil luar nikah di Pusat Pemulihan Akhlak Negeri Selangor.

3.0 Metodologi

Kajian ini kualitatif dengan reka bentuk kajian kes ini dilaksanakan menggunakan pendekatan semulajadi atau *natural approach* untuk memahami suatu fenomena dalam konteks yang khusus. Kajian kualitatif bersifat lapangan dilakukan bertujuan untuk menjelaskan fenomena secara mendalam dan lebih mengutamakan kualiti data dibandingkan dengan kuantiti data (Kriyantono, 2006). Kajian lapangan adalah strategi penyelidikan yang sesuai untuk meneroka bidang kajian. Tujuan dan strategi di sini untuk mengetahui secara mendalam keadaan sebenar kumpulan atau kejadian tertentu. Kajian lapangan dijalankan dalam keadaan semula jadi dan tertumpu pada konteks situasi tertentu (Masri, 2005).

Dapatan bagi kajian yang dilaporkan dalam penulisan artikel ini, diperolehi menerusi kaedah temubual separa struktur terhadap lima orang informen iaitu seorang pentadbir (P1) dan seorang warden (P2) di Pusat Pemulihan Akhlak iaitu sebuah rumah perlindungan yang menempatkan remaja-remaja perempuan yang hamil tanpa nikah di Negeri Selangor serta tiga orang remaja (P3 hingga P5) yang hamil tanpa nikah. Kesemua informen kajian dipilih melalui kaedah persampelan bertujuan seperti jadual 1 berikut:

Jadual 1. Pemilihan Infomen Secara Persampelan Bertujuan

Bilangan	Informen	Kriteria
P1	Pentadbir	Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak
P ²	Warden	Bertugas di Pusat Pemulihan Akhlak
P3-P5	Remaja	Hamil Luar Nikah

Informan bagi kajian ini dipilih berdasarkan kriteria keperluan kajian. Bagi menjangkakan soalan-soalan yang dapat memberikan maklumat yang lebih baik, transkrip temu bual yang dirintiskan sebelum temu bual sebenar diambil kira. Pengkaji memilih dua orang informan yang mempunyai ciri yang sama dengan sampel kajian sebenar untuk ditemu bual bagi melihat kesesuaian soalan. Berdasarkan kajian rintis terdapat dua soalan dipermudahkan dan diperbaiki. Soalan yang diperbaiki digunakan dalam kajian sebenar. Sebaik sahaja proses temu bual dan pengumpulan data kajian sebenar dilakukan, pengkaji melengkapkan transkripsi dan mengembalikan semula transkripsi kepada informen untuk disahkan. Setelah transkripsi disemak, informan menandatangani borang pengesahan temu bual bagi mengesahkan maklumat temu

bual. Transkripsi temu bual yang disahkan dianalisis menggunakan tema dan sub tema. Tema dan sub tema tersebut kemudiannya disahkan oleh pakar melalui pengiraan Cohen Kappa. Seramai tiga orang pakar dilantik untuk membuat semakan tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema. Jadual 2 di bawah merupakan senarai latar belakang pakar yang membuat persetujuan dalam pembinaan tema dan sub tema.

Jadual 2. Pakar dan Kepakaran Bagi Tahap Persetujuan Cohen Kappa

Bil	Nama	Kepakaran	Tahap Persetujuan (Cohen Kappa)
1	Pakar A	Psikologi	0.94
2	Pakar B	Komunikasi	0.92
3	Pakar C	Remaja	0.92
Keseluruhan (Nilai pekali persetujuan Indeks Cohen Kappa)			0.93

Tahap keseluruhan persetujuan pakar terhadap tema dan sub tema dan sub tema dan sub tema berdasarkan pengiraan Cohen Kappa adalah 0.93 dan berdasarkan kepada Jadual 3 di bawah, nilai $k = 0.92$ berada pada skala sangat tinggi.

Jadual 3. Skala persetujuan Cohen Kappa

Nilai Kappa	Skala Interpretasi
> 0.90	Sangat Tinggi
0.70 – 0.89	Tinggi
0.30 – 0.69	Sederhana
< 0.30	Rendah

Sumber: Jasmi, K. A. (2012)

4.0 Dapatan Kajian

Data-data kajian dalam artikel ini dianalisis secara tematik melalui pembentukan tema-tema berdasarkan objektif kajian.

4.1 Implikasi Dialami Remaja Hamil Luar Nikah

Kajian mendapati remaja-remaja yang hamil luar nikah berhadapan dengan pelbagai implikasi dari aspek pemikiran, emosi dan tingkahlaku.

4.1.1 Aspek Pemikiran

Kajian mendapati bahawa remaja yang hamil luar nikah mengalami implikasi tertentu daripada sudut pemikiran iaitu ;

a. Malu Berhadapan Masyarakat

Remaja hamil tanpa nikah mengalami pengalaman yang mengaibkan bagi mereka. Keadaan ini menyebabkan mereka merasa malu di atas perbuatan yang telah dilakukan. Temubual bersama P² iaitu warden di Pusat Pemulihan menyatakan :

“Keraplah diorang mengadu. Macam setiap pelatih dia ada mentor yang jaga, kira macam mentee lah. Kalau dapat surat daripada mereka, mereka luah lah mereka rasa diri mereka tak berguna, kalau keluar nanti muka nak letak mana...”(P²)

Kenyataan ini menunjukkan bahawa remaja yang terjebak gejala hamil tanpa nikah merasakan diri tidak mempunyai apa-apa lagi dan malu untuk berhadapan dengan masyarakat. Kenyataan ini turut diakui oleh P¹ berkaitan situasi ini:

“Dalam bahasa senangnya diorang rasa diri diorang tu sampah, rasa tak guna lah.” (P¹)

Kenyataan informan P¹ dan P² menunjukkan bahawa remaja hamil luar nikah ini mengalami rasa diri tidak berguna dan malu untuk berhadapan dengan masyarakat sekeliling. Kehamilan luar nikah adalah satu cabaran yang terpaksa dilalui oleh sebahagian remaja perempuan dan masalah ini digolongkan sebagai salah satu dari konflik sosial yang mana perlakuan seseorang remaja yang melanggar peraturan, undang-undang negara dan agama atau berkelakuan yang tidak boleh diterima oleh norma masyarakat (Azizi, 2006). Mangsa juga terpaksa berdepan dengan masyarakat yang menganggapnya sebagai gadis yang sudah ‘rosak’ dan mungkin dihalang daripada berkahwin (Othman, 2013).

b. Bimbang Terhadap Penerimaan Keluarga

Remaja yang telah terlanjur hamil luar nikah sering diganggu dengan kebimbangan dalam diri dengan penerimaan keluarga terhadap mereka ekoran perbuatan yang dilakukan itu telah mengaibkan keluarga. Kehamilan tanpa nikah ini akan membawa kepada beberapa masalah iaitu aib kepada keluarga dan menyukarkan perihal nasab kepada anak yang bakal dilahirkan (Dahlan & Ahmad, 2017). P¹ berkata dalam temu bual:

“bagaimana penerimaan keluarga. Itu lah yang menjadi tanda tanya mereka sampai sekarang”.(P¹)

Berdasarkan kenyataan di atas, remaja hamil tanpa nikah ini merasa sangat khuwatir dengan penerimaan keluarga ke atas diri. Perkara ini selalu berlegar dalam fikiran mereka dan menimbulkan tanda tanya sama ada keluarga boleh memaafkan perbuatan mereka atau keluarga merasa malu untuk menerima mereka yang hamil anak luar nikah.

c. Mempunyai Hasrat Berkahwin

Peristiwa yang dialami oleh golongan remaja ini turut memberi kesan terhadap perasaan sebahagian mereka iaitu cetusan hasrat untuk berkahwin dengan pasangan kekasih mereka walaupun hakikatnya mereka mengetahui bahawa masih

berada di bawah umur dan sukar dibenarkan oleh ibu bapa. Perkara ini dijelaskan oleh P² dalam temu bual iaitu:

“Sebab dalam peringkat umur diorang, bila diorang keluar pun, diorang nak berkahwin pun tak boleh. Mungkin dalam umur 22 tahun ke atas baru ibu bapa akan benarkan. Tapi kalau umur belasan macam ni, keluarga pun tak benarkan berkahwin sebab terlampau muda. Ada beberapa oranglah yang menyatakan hasrat untuk berkahwin.” (P²)

Hasrat berkahwin ditentang oleh ibu bapa kerana umur mereka masih muda dan tidak sesuai untuk mendirikan rumah tangga. Tambahan pula bagi ibu bapa, keinginan berkahwin dengan pasangan kekasih yang lama adalah tidak wajar kerana beranggapan anak mereka sepatutnya berkahwin dengan orang yang lebih baik bukannya berkahwin bersama lelaki yang telah merosakkan anak mereka. Ini dijelaskan oleh P² dengan katanya:

“Biasanya memang ibu bapa tidak benarkan berkahwin dengan teman lelaki lah kerana kalau boleh mereka nak anak mereka hidup bersama dengan orang yang lebih baik dan boleh membimbing anak mereka pada masa hadapan.” (P²)

Selain itu, ibu bapa juga berpendapat bahawa pada peringkat umur yang masih muda ini, anak mereka wajar menumpukan perhatian terhadap pelajaran sebelum meneruskan kehidupan dalam alam perkahwinan. Menurut P¹:

“Ibu bapa akan lebih menggalakkan anak-anak mereka untuk menghabiskan pelajaran terlebih dahulu la. Belajar sampai habis dan kemudian baru boleh fikir nak berkahwin atau tak.” (P¹)

Berdasarkan kenyataan P¹ dan P², penerimaan keluarga terhadap remaja adalah baik, walau bagaimanapun hasrat untuk berkahwin ditentang kerana ibu bapa tidak mahu anak remaja mereka tersilap langkah buat kali kedua. Ibu dan bapa semestinya menginginkan anak-anak menjalani kehidupan yang lebih baik dari sebelum ini. Oleh sebab itu bagi ibu bapa, menyambung pelajaran pada peringkat yang tinggi adalah penting demi menjamin masa hadapan anak remaja mereka.

4.1.2 Implikasi Emosi

Implikasi emosi turut dihadapi oleh golongan yang remaja hamil tanpa nikah sama ada semasa hamil atau setelah melahirkan anak. Kajian mendapati emosi yang dialami ialah kemurungan, tekanan, depresi, rindu teman lelaki dan rindu kepada anak.

a. Kemurungan dan Tertekan

Emosi remaja yang hamil tanpa nikah selalu berada dalam keadaan tertekan, kemurungan dan tidak bermaya kerana kerap memikirkan masalah yang dihadapi dan cara bagaimana untuk menghadapi situasi getir itu. P² menyatakan dalam temu bual:

“Selalunya mereka memang akan rasa tertekan, kemurungan dan jadi slow. Jadi, warden-warden akan ambil take part lah untuk pantau.” (P²)

Kehamilan tanpa nikah ini memberikan tekanan emosi kepada remaja akibat perubahan fizikal, risau akan kandungan yang dikandungnya dan risau akan keseluruhan kehidupannya jika kandungannya diketahui orang sekeliling (Zahrotul 'Uyun &

Novarianto, 2012). Mereka memencilkan diri dan cuba mengelak dari lingkungan sosial yang menyebabkan mereka menjadi kemurungan (Nasir, Zamani, & Khairudin, 2015).

b. Depresi

Selain murung dan tertekan, terdapat juga dalam kalangan remaja yang hamil ini yang mengalami masalah depresi yang berat. Ini dinyatakan oleh P¹ bahawa terdapat dalam kalangan remaja ini menghadapi depresi:

“Ha ah ada, dua orang. Berat jugak lah (depresi). Katanya sebab dirogol, katanyalah. Tapi kita masih lagi siasat untuk buktikan kesahihan tu sebab mula-mula dia cakap suka sama suka, lepastu kali ke dua dia cakap dirogol, so kita nak tahu. Tapi sekarang dia ambil ubat lah.....” (P¹)

Berdasarkan kenyataan, masalah depresi wujud dalam kalangan remaja hamil luar nikah. Tahap depresi ini bertambah buruk apabila hal itu terjadi kerana remaja terbabit dirogol atau diperkosa. Mangsa pemerkosaan biasanya menghadapi situasi lebih ngeri kerana kejadian berlaku kerana paksa rela.

c. Rindu Teman Lelaki

Terdapat pelbagai faktor menjadi punca keterlibatan golongan remaja ini dengan gejala kehamilan luar nikah antaranya masalah keluarga. Keadaan begini menyebabkan sebahagian remaja yang hamil luar nikah ini lebih rapat dengan pasangan kekasih berbanding keluarga sendiri dan hubungan ini berterusan terjalin. Ini dijelaskan oleh P² bahawa terdapat dalam kalangan remaja ini kembali mencari kekasih mereka seperti menurut P² dalam temu bual;

“Jaranglah kita dengar mereka nak balik ke pangkuan keluarga sebab mereka ni lebih dekat dengan pasangan mereka disebabkan ada masalah keluarga. Mereka bergantung kepada kekasih.” (P²)

Kenyataan ini juga diakui oleh P¹ dengan menyatakan:

“Ya betul diorang rasa lebih sayang kepada kekasih diorang tu lah berbanding keluarga kerana lebih banyak habiskan masa bersama kekasih. Jadi mereka selalu cakap nak jumpa kekasih” (P¹)

Kenyataan temu bual di atas menjelaskan tahap keintiman teman lelaki dengan remaja hamil luar nikah berbanding keluarga sendiri lebih-lebih lagi jika remaja tersebut mempunyai hubungan yang tidak baik bersama ibu bapa atau memiliki keluarga yang tidak bahagia. Remaja terbabit ini mendapatkan kasih sayang daripada pasangan dan merasakan kekasih mereka adalah segala-galanya. Oleh sebab itu, bagi mereka keutamaan melepaskan rindu kepada teman lelaki adalah lebih penting daripada berjumpa keluarga.

d. Rindu Anak

Allah SWT menganugerahkan perasaan keibuan terhadap remaja hamil tanpa nikah ini seperti ibu-ibu yang lain. Naluri keibuan yang wujud dalam diri remaja ini menyebabkan mereka tertekan ekoran rasa rindu terhadap anak yang dilahirkan tetapi terpaksa dipisahkan kerana pihak keluarga remaja berkenaan enggan atau tidak mampu untuk menjaga bayi tersebut. P² menjelaskan berkaitan isu ini berkata;

“Jadi, bila kita tanya dengan pelatih sendiri, mereka terlalu memikirkan soal anak, anak tu tak nak dilepaskan kepada keluarga angkat sebagainya. Kalau ikutkan keluarga tak nak pun sebenarnya sebab tak mampu nak jaga dan sebagainya.” (P²)

Masalah kerinduan kepada anak yang dilahirkan menyumbang depresi yang dialami. P¹ juga mengakui perkara ini dengan berkata:

“Bila macam tu, kami memujuk dan tanya dia kenapa ada masalah, kebanyakannya yang ada masalah ni kerana mereka terlalu rindukan anak.” (P¹)

Apabila bayi yang dilahirkan diserahkan kepada keluarga angkat, remaja yang melahirkan bayi tersebut seolah-olah tidak dapat menerima kenyataan bahawa mereka sudah berpisah dengan anak. Mereka rindu untuk melihat wajah anak yang dilahirkan. P¹ menjelaskan:

“Tapi kami faham kenapa mereka jadi macam tu, sebab ada diantara mereka yang rindu kan anak. Kadang-kadang tanya, ada tak keluarga angkat hantar gambar anak. Sebelum tidur pun akan menangis sebab rindukan anak. Bila macam tu kami tak layan sangat lah sebab tak nak diorang layan perasaan sangat.” (P¹)

Kenyataan informan-informan di atas membuktikan bahawa remaja yang menghamilkan anak luar nikah sebenarnya mempunyai perasaan kasih dan sayang terhadap bayi yang telah dikandung selama sembilan bulan. Walaubagaimanapun, kedaan atau situasi yang mendesak tidak mengizinkan mereka untuk tinggal bersama bayi yang telah lahir mahupun menjaganya sendiri. Perasaan rindu timbul kerana itu adalah lumrah hubungan seorang ibu dan anak. Walau apa yang berlaku, anak yang dikandung dan dilahirkan tetap darah daging remaja berkenaan walaupun bayi tersebut berstatus anak tidak sah taraf.

4.1.3 Implikasi Fizikal dan Tingkahlaku

Kajian juga mendapati terdapat perubahan-perubahan fizikal yang dialami oleh golongan remaja yang hamil luar nikah nikah. Perubahan yang dimaksudkan ialah perubahan fizikal dan tingkahlaku seperti berikut:

a. Lemah dan Tidak Bermaya

Remaja yang hamil tanpa nikah mengalami perubahan ketara dari aspek bentuk dan keupayaan tenaga. Antara perubahan fizikal seperti perut membesar atau saiz badan membesar kerana mengandungkan bayi. Justeru apabila perkara ini berlaku, mereka kelihatan kehilangan keupayaan tenaga. P² yang berpengalaman dalam melihat perubahan-perubahan tersebut berkata:

“Selalu jugak mereka mengadu mual-mual, sakit kepala. Kadang-kadang kami terfikir atas faktor makanan ke atau macam mana. Kebanyakannya jugak badan rasa lesu, badan rasa lemah. Benda tu kami ada refer jugak pada pihak hospital. Kalau ikutkan mereka bukannya kurang cergas, kalau time kita buat aktiviti gotong royong

pun tengok diorang macam lemah, tak larat, tak aktif macam budak lain.” (P²).

Informan P¹ yang selalu bersama mereka mengakui perkara tersebut, katanya:

“Ya memang diorang nampak lemah la, macam tak larat macam tu.” (P¹)

Keadaan remaja hamil tanpa nikah menjadi tidak bertenaga ketika sedang hamil. Pergerakan mereka juga menjadi lambat dan sukar memahami arahan. Ini dinyatakan oleh P² menyatakan dalam temu bual:

“tu lah yang macam saya cakap tadi, dia akan jadi lemah, jadi macam slow je. Dia macam termenung je. Kalau buat kerja pun perlahan je, kita kena cakap satu-satu, baru diorang faham. kalau ada aktiviti kat dapur macam kita masak kan, dia macam jadi lembab sangat, tu pun macam dia tak faham apa kita cakap.” (P²)

b. Mudah Mendapat Penyakit

Selain keadaan fizikal badan menjadi lemah dan lesu, golongan remaja ini mudah mendapat penyakit dan alahan semasa hamil antaranya adalah penyakit asma dan penyakit tibi. Dalam temu bual, P² memberitahu bahawa:

“Hmm tu lah kalau kita ikutkan batch-batch yang lalu, kebanyakannya banyak jugak yang sakit, sakit asma, letih...sakit tu macam yang terbaru ni ada sakit tibi. Mereka sakit tu disebabkan keadaan hamil tu lah, ada jugak yang memang sebelum tu pun dah sakit.” (P²)

Antara perubahan fizikal yang berlaku semasa kehamilan adalah timbul masalah pada saluran pencernaan, mudah lelah, terjadi pembengkakan di kaki dan pergelangan, kebas pada kaki, sesak nafas dan seperti mahu pengsan serta pengeluaran cairan pada payudara (Fitriana Diah Proboastiningrum, 2016).

c. Percubaan Lari dan Bunuh Diri

Terdapat juga dalam kalangan remaja yang hamil luar nikah yang tidak dapat mengawal tekanan emosi sehingga bertindak cuba melakukan perkara-perkara di luar jangkauan seperti percubaan untuk lari dari rumah perlindungan mahupun percubaan membunuh diri. Walau bagaimanapun, percubaan tersebut gagal kerana kawalan dari pihak pusat pemulihan akhlak. Perkara ini dijelaskan oleh P¹ dalam temu bual, katanya:

“Kalau nak kata tindakan lari dari sini tu ada jugak tapi bukan majoritilah, ada jugak yang cuba cederakan diri dan sebagainya. Sebab mereka ke sini pun bukannya ikhlas dan redo. Kita pernah ada kes pelatih masuk ke dapur ambil pisau dan nak bunuh diri, ada jugak yang pernah try terjun dari tingkat lima ke bawah.” (P¹)

Dalam masa yang sama, P² juga turut mengakui perkara ini dengan berkata:

“Ada tu, memang ada jugak lah yang pernah try buat macam tu tapi tak ramai, dan bila jadi, warden yang akan kawal lah situasi itu”. (P²)

Terdapat juga remaja yang mencuba untuk menghukum dirinya sendiri dengan cara mengasingkan diri, penyesalan yang tiada kesudahan yang mengakibatkan stress dan akhirnya hilang selera makan, sukar untuk tidur dan sentiasa mencuba untuk melarikan diri dari masalah dengan mencuba untuk menggugurkan kandungan dan cuba membunuh diri (Fauziah, 2014).

d. Ketagihan Seksual

Ketagihan seksual turut menjadi antara implikasi yang dialami oleh golongan remaja hamil luar nikah ini. Informan P² memberitahu pengalaman beliau ada pelatih yang menyatakan bahawa dia sudah tidak dapat menahan keinginan untuk melakukan hubungan seksual. P² menjelaskan:

“Ada lah dua orang yang datang mengadu dekat kita yang dia dah tak tahan sangat dah (ketagih hubungan seks). Jadi saya akan rujuk pada pengurus, kemudian kalau perlu, kita akan mandikan dia ais lah untuk hilang rasa ketagih tu.” (P²)

Pihak pusat pemulihan berusaha membantu golongan remaja ini menangani implikasi yang dialami ini kerana remaja yang sudah terjebak dengan perlakuan hubungan luar nikah, sumbang mahram ataupun dirogol mempunyai kecenderungan untuk mengalami ketagihan seksual. P¹ turut menyatakan perkara sama, katanya:

“Bila kita bawak diorang pergi ke sesuatu tempat yang crowd, ada kemungkinan kita susah nak kawal dan takut diorang boleh lari. Dan kalau ada pelatih-pelatih yang ketagih benda tu nanti akan mambuatkan dia tercari-cari lelaki untuk melihat. Jadi itu lah yang kita nak jaga sebenarnya..” (P¹)

e. Sukar Mengeluarkan Susu Badan

Golongan remaja yang hamil luar nikah ini turut mengalami masalah kesukaran mengeluarkan air susu badan berpunca daripada stress. Dalam sesi temu bual, P¹ berkata:

“Kebanyakannya kalau yang hamil di sini, mereka selalu sukar untuk keluarkan air susu..selalu. Setiap kali selepas beranak je, itulah yang menjadi puca mereka sakit dan bayi-bayi pun akan terima kesan jugaklah. Jadi, bila kita tanya dari sudut sains dan doktor pakar, sebab dia stress lah dia tak dapat keluarkan air susu.” (P¹)

Berdasarkan temubual yang dijalankan ini, dapatlah dikenal pasti bahawa, stress ini sangat mempengaruhi kesihatan remaja setelah melahirkan bayi terutama yang menyusukan anak. Apabila keadaan ibu tidak stabil, perkara ini akan memberi kesan kepada bayi yang masih kecil. Faktor umur yang terlalu muda menyebabkan remaja berkenaan mengalami kesukaran menguruskan teknik penyusuan anak.

5.0 Perbincangan

Kajian mendapati kehamilan luar nikah yang berlaku kepada golongan remaja mengakibatkan mereka berhadapan dengan pelbagai kesukaran luaran dan dalaman diri semasa kehamilan dan selepasnya. Kesukaran kuaran yang dihadapi seperti perubahan fizikal diri dan menjadi ibu dalam usia muda manakala kesukaran dalaman

seperti menghadapi masalah mental seperti mengalami kemurungan dan tekanan. Menurut kajian Jamaluddin et. al (2015), golongan remaja hamil tanpa nikah ini menghadapi pelbagai kesukaran yang memerlukan sokongan sosial. Golongan remaja ini mengalami perasaan kurang menghargai diri dan takut untuk memberitahu atau meminta pertolongan daripada kawan, keluarga atau sesiapa pun tentang kehamilan mereka dan mengambil pendekatan memencilkan diri sendiri serta cuba mengelakkan diri daripada perjumpaan sosial yang seterusnya membawa kepada kemurungan. Nor Jana Saim (2013) dalam kajian bertajuk "*Social Support, Coping, Resilience And Mental Helath In Malaysian Unwed Young Pregnant Woman And Young Mothers Their Experiences While Living In A Shelter Home*" memberi fokus terhadap kes kehamilan luar nikah dari aspek sokongan sosial terhadap 17 orang remaja perempuan berusia 12 hingga 18 tahun di pusat perlindungan wanita sekitar Kuala Lumpur dan Selangor mendapati golongan remaja ini mengalami keadaan penolakan dari keluarga lantaran rasa malu dan bimbang. Lebih membimbangkan lagi apabila golongan remaja ini kurang mendapat sokongan dari keluarga dan masyarakat. Keadaan ini menjadikan golongan remaja ini berisiko tinggi mengalami penyakit kemurungan, membuat keputusan yang tidak tepat dan terlibat dalam masalah penyalahgunaan dadah (Wan Fadhilah Wan Ismail, 2011).

Kajian Su Xu Vin et al. (2014) bertajuk "Bahaya Pergaulan Bebas" pula mengkaji bentuk masalah yang dihadapi oleh 26 orang remaja hamil luar nikah yang berusia antara 12 hingga 18 tahun di sebuah pusat perlindungan wanita kendalian kerajaan mengemukakan dapatan bahawa masalah paling utama dialami oleh majoriti remaja hamil ialah gangguan emosi sehingga mengakibatkan beberapa remaja mengalami gangguan tidur yang kronik seterusnya menjejaskan perkembangan kognitif mereka. Dapatan ini sejajar dengan kajian Siti Aisyah & Fariza (2019) yang turut mendapati bahawa emosi remaja yang hamil luar nikah ini berada begitu romantik, sensitif, mudah keliru, marah memberontak, ketakutan, kesempitan jiwa, kebimbangan, kebingunan dan ada juga yang setengah gila atau hilang akal akibat ketakutan yang luar biasa. Portal Rasmi MyHealth oleh Kementerian Kesihatan Malaysia mengemukakan beberapa implikasi kehamilan tanpa nikah dari aspek perubatan seperti mempunyai risiko dijangkiti HIV (1%), herpes genital (30%) dan gonorea (50%) dan kesan negatif terhadap proses perkembangan emosi dan mental remaja (MyHealth, 2020).

Implikasi kehamilan luar nikah ini bukan saja menimpa diri remaja tersebut, malah ibu bapa dan keluarga remaja tersebut juga terkesan. Ibu bapa mengalami tekanan dengan kelahiran cucu tanpa nikah. Dua tekanan secara serentak ini menyebabkan ibu bapa tersebut sukar untuk menyesuaikan diri dengan sebaiknya yang akhirnya memberi kesan semula kepada remaja hamil terbabit (Sarnon N. et al., 2013).

6.0 Kesimpulan

Kajian ini mendapati bahawa golongan remaja yang terjebak dengan gejala kehamilan luar nikah mengalami impak dalam aspek pemikiran, emosi dan tingkahlaku. Tumpuan perlu diberikan oleh pelbagai pihak terutama pusat-pusat pemulihan akhlak kerajaan dan persendirian terhadap usaha pemulihan dan pembangunan diri golongan remaja ini agar mengupayakan mereka mengurus kesan yang dialami.

Rujukan

- Abdullah, S., Ghani, S. A., Akil, S. S. S. M. S., & Faudzi, N. M. (2014). Relationship Of Parent And Peer Attachment With Coping Strategy Among Teenagers Pregnancy. *Procedia-Social and Behavioral Sciences*, 114, 334-338.
- Azizah, M. R., Noor Aziah, M. A., Ahmad 'Azam, M. S., Nor Adha, A. H., & Tg. Noor Azira, T. Z. (2019). Menangani Masalah Kelahiran Anak Tak Sah Taraf di Malaysia: Peranan Perundangan Jenayah Syariah dalam Masyarakat. *Akademika* 89, 5-16.
- Azizi, Y. (2006). *Psikologi Sosial Alam Remaja*. Bentong: PTS Publication..
- Dahlan, N. H., & Ahmad, A. G. (2017). Mengandung Anak Tak Sah Taraf: Kajian Kes di Daerah Kubang Pasu, Kedah. *UUMJLS*, 8, 17-55. Retrieved 1 21, 2020, from https://www.researchgate.net/publication/332656343_Mengandung_Anak_Tak_Sah_Taraf_Kajian_Kes_di_Daerah_Kubang_Pasu_Kedah
- Fauziah, B. M. (2015). *Keberkesanan Kaunseling Kelompok Pendekatan Pemusatan Insan Dan Pendekatan Psikologi Kognitif Ad-Din Ke Atas Koensep Kendiri, Kemurungan dan Daya Tahan Remaja Hamil Luar Nikah*. Bangi: Fakulti Sains Sosial Dan Kemanusiaan Universiti Kebangsaan Malaysia.
- Jamaluddin, Zakiyah, Abd Manaf, Abd Razak, Sayuti & Rusimah. (2015). Sokongan Sosial Dalam Kalangan Remaja Hamil Tanpa Nikah. *USM International Conference On Social Sciences 2015*. 27-28 Ogos. Rainbow Paradise Beach Resort Penang.
- Jasmi, K. A. (2012). Kesahan dan kebolehpercayaan dalam kajian kualitatif. Kertas kerja Kursus Penyelidikan Kualitatif Siri 1, anjuran Institut Pendidikan Guru Malaysia Kampus Temenggung Ibrahim Melaka, 28-29 Mac.
- Khadijah Alavi, Salina Nen, Fauziah Ibrahim, Noremy Md. Akhir, Mohd Suhaimi Mohd, Noorhasliza Mohd Nordin. (2012). Hamil Luar nikah dalam Kalangan Keluarga. *Journal of Social Sciences and Society*, 7 (1), 131-140.
- Kriyantono. R. (2006). *Teknik Praktis Riset Komunikasi*. Jakarta: Kencana Prenada Media Group.
- Magdalena, M. (2010). *Melindungi Anak Dari Seks Bebas*. Jakarta: Gramedia Widiasarana Indonesia.
- Mohd. Fauzi, H., & Mohd. Khairul Naim, C. N. (2012). Tinjauan Kepentingan Pembangunan Modal Insan Di Malaysia (Review On The Importance Of Human Capital Development In Malaysia). *Jurnal Al-Tamaddun*. 7(1), 75-89.
- NJ Saim, M Dufaker, M Eriksson, M Ghazinour (2013). "Listen To The Voice Of Unwed Teenage Mothers In Malaysia Shelter Homes: An Explorative Study. *Global Journal Of Health Science* 5(5), 20-30.
- Nurzatil Ismah Azizan, Nazneen Ismail, Sahlawati Abu Bakar, Zanariah Dimon, Asma' Wardah Surtaman. (2015). Permasalahan Masalah Sosial dalam Kalangan Remaja Di

Selangor: Satu Tinjauan. International Conference on Da'wah, Aqidah and Syariah 2015 (IRSYAD 2015). Kuala Lumpur.

Phebe Illenia S. , Woelan Handadari. (2011). Pemulihan Diri pada Insan Kekerasan Seksual. *INSAN*, 13.

Sarnon, N., Mohamad, M. S, Fauziah, I, Alavi, K., Nen, S., Hoesni, S.M, Zaizul, R., Wan Azreena, J. (2013). Hamil Luar Nikah:Memahami Remaja Sebagai Intervensi Keluarga. *Journal of Social Science and Humanities*, 7 (1), 121-130.

Siti Aisyah & Fariza. (2019). Bentuk-Bentuk Emosi Remaja Hamil Luar Nikah *Jurnal 'Ulwan* Jilid 4 2019 : 137-148

Sulaiman Masri. (2005). *Kaedah Penyelidikan Dan Panduan Penulisan; Esei, Proposal, Tesis*. Kuala Lumpur: Utusan Publication and Distributors.

Zahrotul 'Uyun, & Novarianto, W. S. (2012). Kecemasan Pada Remaja Hamil di Luar Nikah (Studi Kasus Remaja Surakarta Tahun 2011). *Ishraqi*, 10, 97-107. Retrieved from

<https://publikasiilmiah.ums.ac.id/xmlui/bitstream/handle/11617/2188/7.%20Luar%20Nikah%20Uyun.pdf?sequence=1&isAllowed=y>

Zakaria, S. M., & Zulkifli, N. A. (2017). Pengalaman Remaja Di Rumah Perlindungan Dan Perubahan Dalam Makna Hidup (The experience of teens at shelter home and the changes in the meaning of life). *e-Bangi*, 14(5).

<http://www.myhealth.gov.my/hubungan-seks-rambang/> DI akses 28 September 2020.

Undang-Undang Malaysia Akta 21.

<http://www.agc.gov.my/agcportal/uploads/files/Publications/LOM/MY/Akta%2021.pdf>.

DI akses 28 September 2020.